

Penilaian Prestasi Kendiri Pusat Kecemerlangan UKM (PPKCoE-UKM)

Garis Panduan Penyediaan Laporan

1/27/2010

Disediakan oleh

Urusetia Jawatankuasa PPKCoE-UKM
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM), UKM.



SENARAI KANDUNGAN

Singkatan

**Seksyen 1: Gambaran Menyeluruh Penilaian Prestasi Kendiri Pusat
Kecemerlangan UKM (PPKCoE-UKM)**

- I. Pengenalan
- II. Latar Belakang
- III. Objektif Penilaian
- IV. Panel Penilai PPKCoE-UKM 2010
- V. Garis Panduan Penilaian
- VI. Pelaksanaan Penilaian
- VII. Perkara-perkara yang dinilai

**Seksyen 2: Penyediaan Laporan Penilaian Prestasi Kendiri Pusat
Kecemerlangan UKM (PPKCoE-UKM)**

- 1.0 Latar Belakang CoE dan Kecekapan Tadbir Urus
 - 1.1 Latar Belakang CoE
 - 1.2 Kecekapan Tadbir Urus
- 2.0 Pengurusan Sumber Manusia Serta Kepimpinan dan Kelestarian Modal Insan
 - 2.1 Pengurusan Sumber Manusia
 - 2.2 Kepimpinan dan Kelestarian Modal Insan

- 3.0 Kemandirian Pusat
 - 3.1 Peruntukan Yang Diterima Oleh CoE
 - 3.2 Penjanaaan Kewangan Yang Dihasilkan Oleh CoE

- 4.0 Prasarana, Ruang dan Perkhidmatan
 - 4.1 Prasarana
 - 4.2 Ruang
 - 4.3 Perkhidmatan

- 5.0 Jaringan dan Jangkauan

- 6.0 Keberhasilan CoE
 - 6.1 Penerbitan
 - 6.2 Inovasi
 - 6.3 Penanda aras

- 7.0 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)

SINGKATAN

CoE	- Pusat Kecemerlangan
LoI	- <i>Letter of Intent</i>
MOHE	- <i>Ministry of Higher Education</i>
MOSTI	- <i>Ministry of Science, Technology & Innovation</i>
MoU	- <i>Memorandum of Understanding</i>
MoA	- <i>Memorandum of Agreement</i>
PPKCoE-UKM	- Penilaian Prestasi Kendiri Pusat Kecemerlangan UKM
QMS	- <i>Quality Management System</i>

SEKSYEN I

GAMBARAN MENYELURUH PENILAIAN PRESTASI KENDIRI PUSAT KECEMERLANGAN UKM (PPKCoE-UKM)

I. Pengenalan

Penilaian Prestasi Kendiri Pusat Kecemerlangan UKM (PPKCoE-UKM) 2010 merupakan satu aktiviti di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM di mana Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi jawatankuasa kepada pelaksanaan penilaian ini. Penilaian ini bertujuan untuk mengukur dan memantau prestasi pusat kecemerlangan (CoE) yang ada di UKM dan juga untuk melihat sama ada CoE telah mencapai objektif penubuhan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memantau kekuatan dan kelemahan sesuatu CoE.

Garis Panduan Penyediaan Laporan Penilaian Prestasi Kendiri Pusat Kecemerlangan UKM (PPKCoE-UKM) bertujuan membantu CoE dalam proses penyediaan laporan masing-masing.

II. Latar Belakang

Pusat Kecemerlangan (CoE) adalah pusat pengembangan ilmu yang menggabungkan kepakaran dan kemahiran daripada pelbagai bidang untuk menjalankan penyelidikan yang asli dan rintis bagi memberikan kepimpinan ilmu dalam bentuk penggubalan dasar dan pembangunan teknologi kepada masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. CoE fakulti/pusat/institut boleh diwujudkan dalam variasi bentuk seperti Makmal Penyelidikan/ Pusat Penyelidikan/ Institut Penyelidikan/ Pusat Perkhidmatan.

Penubuhannya adalah penting ke arah meningkatkan sumbangan UKM di dalam bidang penyelidikan dan pendidikan lebih-lebih lagi setelah UKM dinobatkan sebagai sebuah Universiti Penyelidikan. Ia menjadi tunggak kepada kegiatan akademik terutama penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Penyelidikan yang

dilaksanakan bersifat asas, di ambang wufuk, gunaan dan strategik. Ia juga terfokus dan silang disiplin yang menuntut penggabungan kekuatan kepakaran berbagai-bagai-bagai rumpun ilmu dari pelbagai fakulti. Landasan ini diyakini akan mengangkat para ilmuan terhadap UKM sebagai sebuah universiti penyelidikan yang mempunyai CoE yang unggul di rantau ini.

III. Objektif Penilaian

Objektif utama penilaian sendiri dijalankan adalah untuk:

1. Menilai keberkesanan penggunaan sumber kewangan, sumber manusia dan modal insan yang telah diperuntukkan oleh universiti kepada CoE diguna secara mapan.
2. Menilai sejauh mana CoE mencapai KPI universiti sebagai sebuah universiti penyelidikan.
3. Menilai samada CoE mencapai objektif penubuhan iaitu berdasarkan pelan dan kriteria penubuhan CoE.
4. Menilai peranan CoE sebagai pusat rujukan kebangsaan.
5. Menilai sumbangan CoE di dalam proses pembangunan modal insan dan khidmat bakti kepada masyarakat.
6. Menilai peranan CoE sebagai pusat pengumpulan sumber pakar dan kepakaran universiti.
7. Menilai keterlibatan CoE melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam Nic yang telah dikenal pasti.
8. Menilai prasarana serta kemudahan perkhidmatan multidisiplin dan rentas fakulti CoE kepada penyelidik.
9. Menilai kekuatan CoE dari sudut pengukuhan kepakaran melalui aktiviti penyelidikan yang terfokus dan multi disiplin.

IV. Panel Penilai PPKCoE-UKM 2010

Pasukan Panel Penilai PPKCoE-UKM 2010 yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi adalah terdiri daripada malim/penyelidik tersohor yang dicadangkan oleh Pengerusi Nic/Dekan/Pengarah dan Ketua Panel Penilai.

V. Garis Panduan Penilaian

Garis panduan yang digunapakai untuk PPKCoE 2010 adalah berdasarkan kepada Garis Panduan dan Kriteria Penubuhan Pusat Kecemerlangan UKM 2009.

VI. Pelaksanaan Penilaian

Pelaksanaan penilaian ini tertumpu kepada semua CoE UKM yang telah mencapai usia penubuhan sekurang-kurangnya 3 tahun atau lebih pada 31 Disember 2009.

Bagi tujuan penilaian, kesemua CoE yang terlibat dikehendaki menyediakan pelaporan berdasarkan aktiviti dan pencapaian untuk tempoh tiga (3) tahun iaitu dari tahun 2007 sehingga 2009.

VII. Perkara-perkara Yang Dinilai

Proses penilaian meliputi 7 perkara di bawah:

1. Latar Belakang CoE dan Kecekapan Tadbir Urus
2. Pengurusan Sumber Manusia Serta Kepimpinan dan Kelestarian Modal Insan
3. Kemandirian Pusat
4. Prasarana dan perkhidmatan
5. Jaringan dan Jangkauan
6. Keberhasilan CoE
7. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)

SEKSYEN 2

PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN PRESTASI KENDIRI PUSAT KECEMERLANGAN UKM (PPKCoE-UKM)

1.0 LATAR BELAKANG CoE DAN KECEKAPAN TADBIR URUS

1.1 LATAR BELAKANG CoE

a) Jelaskan dengan terperinci latar belakang penubuhan CoE.

*Sila nyatakan
rujukan/bahan bukti di
ruangan ini.*

b) Nyatakan misi dan visi CoE. Apakah kaedah/langkah-langkah yang diambil bagi memastikan misi dan visi yang telah ditentukan tercapai.

c) Terangkan dengan terperinci objektif penubuhan pusat. Adakah pusat telah mencapai objektif yang telah disasarkan? Apakah strategi/langkah-langkah yang diambil bagi merealisasikan objektif tersebut? Sila huraikan.

1.2 KECEKAPAN TADBIR URUS

- a) Terangkan Pelan Strategik dan Pelan Tindakan Pusat yang ada di CoE. Adakah pelan tersebut mengandungi perancangan dan hala tuju pusat untuk jangka panjang dan terdekat? Sila huraikan dengan jelas dan terperinci.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

2.0 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SERTA KEPIMPINAN DAN KELESTARIAN MODAL INSAN

2.1 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

a) Adakah lantikan kakitangan dibuat mengikut prosedur rasmi dan saluran yang relevan? Apakah sumber pembiayaan (universiti/MOHE/MOSTI/Dana luar) yang digunakan untuk pembayaran setiap kakitangan? Sila nyatakan.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

b) Nyatakan dengan jelas bilangan sumber manusia dalaman seperti bilangan kakitangan/felo tetap/felo bersekutu yang ada di pusat. Adakah sumber manusia yang dilantik digunakan secara mapan? Nyatakan dengan terperinci tugas setiap kakitangan yang dilantik di bawah pusat.

c) Nyatakan dengan jelas bilangan sumber manusia luaran seperti felo luar UKM, pelajar *post doctoral* yang telah dilantik/dihasilkan oleh pusat.

2.2 KEPIMPINAN DAN KELESTARIAN MODAL INSAN

a) Salah satu kriteria penubuhan pusat adalah mempunyai kepakaran dan dapat menyumbang kepakaran tersebut kepada Nic penyelidikan UKM. Adakah pusat mempunyai kepakaran tersebut dan menjalankan penyelidikan multi-disiplin serta member sumbangan kepada Nic penyelidikan UKM? Sila huraikan dengan terperinci.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

b) Adakah pusat mempunyai panel penasihat yang membantu pusat di dalam membuat perancangan dan pelan tindakan untuk jangka masa panjang dan terdekat. Sekiranya ya, sila jelaskan.

3.0 KEMANDIRIAN PUSAT

3.1 Peruntukan Yang Diterima Oleh CoE

- a) Nyatakan dengan terperinci jenis dana/peruntukan/geran (sama ada dalam/luar) menjalankan aktiviti-aktiviti untuk mencapai objektif yang telah disasarkan oleh pusat.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

- b) Jelaskan bagaimana pusat merancang dan membuat agihan dana yang diperuntukkan. Adakah dana tersebut digunakan secara berhemah dan efisien?

3.2 Penjanaan Kewangan Yang Dihasilkan Oleh CoE

- a) Adakah pusat dapat menjana sumber kewangan sendiri? Jelaskan.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

b) Bagaimana penajaan ini dihasilkan? Jelaskan .

*Sila nyatakan
rujukan/bahan bukti di
ruangan ini.*

c) Adakan penajaan tersebut dapat mengelakkan kebergantungan sumber kewangan dari pihak universiti? Huraikan dengan terperinci.

4.0 PRASARANA, RUANG DAN PERKHIDMATAN

4.1 Prasarana

a) Perincian prasarana yang terdapat di pusat.

*Sila nyatakan
rujukan/bahan bukti di
ruangan ini.*

b) Adakah prasarana dan kemudahan yang ditawarkan bersifat multidisiplin dan rentas fakulti serta boleh digunasama oleh semua penyelidik di dalam dan luar UKM? Jelaskan

4.2 Ruang

a) Terangkan dengan terperinci maklumat ruang yang ada di pusat.

*Sila nyatakan
rujukan/bahan bukti di
ruangan ini.*

b) Adakah pusat menggunakan sebaik mungkin ruang yang ada? Jelaskan.

c) Adakah pusat mengalami masalah ruang yang tidak mencukupi bagi menghambat aktiviti penyelidikan? Nyatakan.

4.3 Perkhidmatan

a) Nyatakan jenis perkhidmatan penyelidikan yang terdapat di pusat.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

b) Adakah perkhidmatan penyelidikan ini ditawarkan kepada semua penyelidik di dalam dan luar UKM?

c) Mampukah perkhidmatan penyelidikan yang ditawarkan ini menjana kewangan kepada pusat? Adakah caj dikenakan kepada penyelidik yang menggunakan kemudahan penyelidikan yang ada di pusat? Jelaskan.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

d) Terangkan strategi yang digunakan oleh pusat untuk menyampaikan kepada pelanggan setiap prasarana dan kemudahan yang disediakan oleh pusat.

5.0 JARINGAN DAN JANGKAUAN

- a) Nyatakan bilangan lawatan malim yang telah dilaksanakan oleh pusat sejak 3 tahun kebelakang. Bagaimanakan lawatan tersebut dapat membantu pusat di dalam mencapai objektif penubuhan pusat? Jelaskan.
- b) Terangkan dengan terperinci kolaborasi (LoI, MoU dan MoA) yang telah dilaksanakan oleh pusat bersama dengan entiti luar. Adakah pusat telah mewujudkan sistem jaringan yang kukuh di arena kebangsaan dan antarabangsa? Huraikan.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

6.0 KEBERHASILAN CoE

6.1 Penerbitan

- a) Huraikan dengan terperinci output penerbitan yang telah dihasilkan oleh pusat.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

6.2 INOVASI

- a) Jelaskan inovasi yang telah diperoleh melalui aktiviti penyelidikan pusat

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

- b) Nyatakan anugerah/pertandingan inovasi yang telah disertai oleh pusat.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

- c) Terangkan dengan terperinci bagaimana inovasi yang dihasilkan dapat memberi sumbangan terhadap masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

6.3 PENANDA ARAS

- a) Nyatakan program penanda aras yang telah dijalankan oleh pusat bagi membolehkan pusat terus berdaya bersaing dengan kepakaran yang ada di luar.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

- b) Jelaskan bagaimana pusat memastikan penambahbaikan kualiti penyelidikan di pusat dilaksanakan secara berterusan. Adakah pusat mempunyai pelan perancangan strategik bagi memastikan teknologi dan kepakaran penyelidikan sentiasa mengikut arus perubahan masa? Sila jelaskan.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.

7.0 SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS)

- a) Nyatakan dengan terperinci bagaimana pusat memastikan penambahbaikan kualiti penyelidikan di pusat dilaksanakan secara berterusan. Adakah pusat mempunyai pelan perancangan strategik bagi memastikan teknologi dan kepakaran penyelidikan sentiasa mengikut arus perubahan masa? Sila jelaskan.

Sila nyatakan rujukan/bahan bukti di ruangan ini.